INILAH MRT KITA

Jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang

- Jarak 51 km
- Bermula dari Sungai Buloh di barat laut Kuala Lumpur, melalui pusat bandar raya dan berakhir di Kajang
- Sepanjang 9.5 km jajaran ini akan dibina bawah tanah
- 31 stesen di sepanjang stesen ini, di mana tujuh adalah stesen bawah tanah
- Fasa pertama jajaran MRT Sungai Buloh-Kajang dari stesen Sungai Buloh hingga stesen Semantan, akan beroperasi pada akhir 2016
- Fasa kedua dari stesen Semantan ke stesen Kajang akan beroperasi pada Julai 2017 dan ini akan membolehkan tren beroperasi di seluruh jajaran

Moden, canggih aerodinamik dan penuh ciri keselamatan

Tren keluaran syarikat Jerman, Siemens AG. Itu model kereta api laju yang bakal digunakan MRT Corporation bagi projek sulung laluan MRT Sungai Buloh - Kajang yang dijangka siap pada 2016.

Perkara itu disahkan dalam temubual bersama Metro Ahad baru-baru ini. Syarikat itu membina tren berdasarkan reka bentuk dihasilkan BMW Designworks, Amerika Syarikat.

Dikenali sebagai 'The Guiding Light', tren ini mempunyai empat gerabak dan mampu membawa 1,200 penumpang pada setiap perjalanan.

Malah, sebagai penghubung terpantas rangkaian bandar antara Sungai Buloh hingga Kajang, tren ini yang mampu bergerak sehingga 100 kilometer sejam ini akan beroperasi pada kelajuan purata iaitu 70 kilometer sejam.

Ini membolehkan masa perjalanan sama ada dari Sungai Buloh atau dari Kajang menuju ke hentian pusat di KL Sentral hanya mengambil masa kira-kira 30 minit. Bagi jarak Sungai Buloh - Kajang pula, tempoh masa 88 minit akan diambil.

Dengan bentuk lebih moden dan lebih aerodinamik, tren ini juga mementingkan ciri keselamatan di mana ia diperbuat daripada bahan sukar terbakar selain dipantau sepanjang masa menerusi kamera litar tertutup (CCTV).

CCTV ini bukan saja akan memantau pergerakan tren juga pergerakan penumpang.

SPESIFIKASI

KOD: THE GUIDING LIGHT

1
- Buatan: Siemens, Jerman
- Reka bentuk: BMW Designworks, Amerika Syarikat
- Kapasiti: Tren empat gerabak dengan kemampuan membawa 300 penumpang bagi setiap gerabak
- Kelajuan maksimum: 100 km sejam
- Kelajuan purata: 70 km sejam
- 58 set tren

2
- Setiap tren mempunyai empat gerabak dengan kapasiti sebanyak 1,200 orang
- Jumlah penumpang dijangka mencecah kira-kira 400,000 orang setiap hari
- Kekerapan tren dijangka 3.5 minit apabila dibina
- Perkhidmatan Wi-Fi

3
- Tren MRT akan beroperasi dari 6 pagi hingga 12 tengah malam
- Masa perjalanan: 30 minit dari Sungai Buloh atau Kajang ke KL Sentral
- Masa perjalanan keseluruhan: 88 minit (Sungai Buloh - Kajang)
- Frekuensi tren: Setiap 3.5 minit atau bersamaan 17 tren setiap satu jam
- Jimat tenaga, tahan lasak dan mudah diselenggara
- Tanpa pemandu

Fakta & Grafik

58 tren | 3.5 minit | SIEMENS | Wi-Fi

MBARAN stesen MRT yang bakal dibina

RUANG dalam tren





INFOGRAFIK METRO AHAD

MOHD AZAM SHAH YAACOB — Wartawan

RAZNAN ABDUL KARIM — Grafik

FAHMY HASHIM — Pengarah

BEIJING, CHINA

HELSINKI, FINLAND

MRT Sedunia

Di Amerika Syarikat, MRT digun[illegible] pesat di kebanyakan bandar utama [illegible] jumlah mencecah 30, manakala di [illegible] digunakan di tujuh bandar utama.

Selain itu, negara lain yang ta[illegible] menggunakan MRT termasuklah Austria, Jepu[illegible] Singapura, Hong Kong, Jerman, Perancis, Korea [illegible] Poland, Norway, Mexico, Sepanyol, Belanda, U[illegible] Denmark, China, Kanada dan Taiwan sebagai [illegible] pengangkutan penting dalam mewujudkan jar[illegible] perhubungan pantas terutama di kawasan bar[illegible]

Bukan saja mewujudkan jaringan pengangku[illegible] paling pantas, MRT dilihat sebagai penyelesai[illegible] trafik dan penyelesaian terhadap masalah pe[illegible] udara dan bunyi.

MUNICH, JERMAN

[illegible]: Amir Mohamad Abdul Razak, Pengarah Sen[illegible]
[illegible] Komunikasi & Perhubungan Awam